

19 OCT 2001

BELANJAWAN-CUKAI

KERAJAAN KEHILANGAN PENDAPATAN RM1.2 BILION EKORAN PENGURANGAN CUKAI

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Cadangan-cadangan untuk mengurang dan memansuhkan pelbagai jenis cukai dalam Belanjawan 2002 akan mengakibatkan kerajaan kehilangan hasil sejumlah RM1.2 bilion, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Pada masa yang sama, kerajaan terpaksa meningkatkan perbelanjaan untuk merangsang ekonomi dalam negara dan mencari sumber pendapatan yang lain bagi memperkukuhkan kedudukan kewangannya, kata beliau semasa membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat, di sini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata bahawa had nilai jualan tahunan bagi pengenaan cukai perkhidmatan ke atas restoran, bar, snek bar dan coffee house, kelab persendirian dan syarikat-syarikat pengiklanan akan dikurangkan kepada RM300,000 daripada RM500,000 sebelumnya.

Kerajaan juga mencadangkan had nilai jualan tahunan bagi tujuan pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan profesional dikurangkan kepada RM150,000 daripada RM300,000.

Dr Mahathir berkata, dalam hubungan ini, kerajaan akan meningkatkan penguatkuasaan dan mengadakan 'street surveys', bagi membanteras mereka yang cuba mengelak dari membayar cukai.

Di samping itu, kerajaan telah menyediakan bantuan subsidi yang besar berjumlah RM4.4 bilion. Daripada jumlah ini, lebih separuh adalah bagi subsidi petroleum, tambah beliau.

Bagi mengurangkan beban kewangan kerajaan, katanya, subsidi bagi petrol dan diesel akan dikurangkan manakala harga runcit kedua-dua produk ini akan dinaikkan sebanyak 10 sen setiap liter mulai esok.

-- BERNAMA

MK SHY KY OS